

27 Jun 2021, Ahad

# ‘Lindungi nyawa, kesejahteraan negara’

**Seremban:** Usaha memutuskan rantaian COVID-19 adalah cabaran besar kerajaan dalam mengimbangkan antara tuntutan menyelamatkan nyawa rakyat dan kesejahteraan negara.

Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, tiada kompromi dari segi menyelamatkan nyawa rakyat.

“Kita mesti melindungi dan memelihara nyawa rakyat, itu pendirian kita (kerajaan), pada masa sama, kita juga perlu pastikan kesejahteraan rakyat dan negara tidak terpisah.

“Kita perlu imbangi dua tuntutan ini, sebagai seorang Islam dalam prinsip maqasid syariah, jelas dua prinsip utama iaitu melindungi nyawa dan memelihara ekonomi negara,” katanya selepas melawat Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Industri di Dewan d’Tempat, di sini, semalam.

Mohamed Azmin berkata, ketika ini sektor perkhidmatan tertentu yang dibenarkan beroperasi, manakala pembukaan sektor ekonomi lain akan dilakukan secara berfasa apabila keadaan



Mohamed Azmin (tengah) melawat PPV Industri di Dewan d’Tempat, Seremban, semalam. (Foto Mohd Amin Jalil/BH)

wabak terkawal.

Katanya, dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang sudah diumumkan, kerajaan menetapkan nilai ambang yang perlu dicapai sebelum berpindah dari satu fasa ke fasa yang ditetapkan.

Sementara itu, beliau memaklumkan, hampir dua juta dos vaksin diperlukan bagi menjayakan Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) bermula bulan depan hingga September ini bagi men-

capai tahap imuniti kelompok sektor itu.

Katanya, 600,000 dos vaksin diperlukan bulan depan, 600,000 dos pada Ogos dan 795,000 dos menjelang September bagi menjayakan program itu di 49 PPV industri yang ditetapkan.

“Kementerian mahu pastikan PIKAS berjalan lancar kerana sambutan diterima daripada majikan dan pekerja cukup positif. Saya sudah memohon kerjasama Kementerian Sains dan Tekno-

logi (MOSTI) dan Kementerian Kesihatan mendapatkan bekalan vaksin bagi menjayakan program ini.

“Sektor pembuatan antara sektor terpenting dalam ekonomi negara dan ia memerlukan sokongan majikan serta pekerja dalam menjayakan program ini,” katanya menambah, kira-kira 2.25 juta pekerja dalam sektor pembuatan disasarkan menerima vaksin COVID-19 menerusi PIKAS.